

Kerajaan tumpu aspek urus tadbir negara: TPM

BH - 23 / 2 / 2020 M/S: 2

Kuala Lumpur: Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata fokus kerajaan kini terarah kepada aspek urus tadbir negara khususnya membabitkan isu ekonomi dan masalah COVID-19 berbanding peralihan kuasa.

Sehubungan itu, Timbalan Perdana Menteri mahu semua pihak menghormati hasil keputusan mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) malam kelmarin yang menetapkan soal peralihan kuasa perdana menteri diserahkan kepada Tun Dr Mahathir Mohamad.

“Usaha kepada urus tadbir negara sebaik mungkin, tetapi kita juga ada banyak masalah kerana kita dihadapi dengan kluster COVID-19 dan bagaimana cara kita

menanganinya kerana ada rentetan ekonomi yang akan terkesan dengan negatif.

“Justeru, kita akan memfokuskan kepada perkara itu. Kita ada perjanjian akan berlaku peralihan yang sudah disepakati semalam (kelmarin) dan kita tetapkan tarikhnya selepas APEC (Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik),” katanya selepas melancarkan Program Kayuhan Kasih Mesra, di sini, semalam.

Malam kelmarin, mesyuarat Majlis Presiden PH yang berlangsung hampir tiga jam, bersetuju sebulat suara bahawa peralihan kuasa perdana menteri ditentukan sepenuhnya oleh Dr Mahathir.

Sementara itu, program kayuhan sejauh 30 kilometer yang dianjurkan Kelab Basikal Komuniti Ampang (MCC) dengan kerjasama Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Pandan disertai kira-kira 500 orang.

Dr Wan Azizah yang juga Ahli Parlimen Pandan berkata, dalam keadaan Malaysia bakal menghadapi status negara tua pada 2030, adalah penting untuk masyarakat menjadi komuniti yang aktif.

“Ini antara usaha kita dalam menjaga kesihatan kerana aspek kesihatan sangat penting berikutan kita akan menghadapi status negara tua,” katanya.

Sementara itu, **BERNAMA** me-

laporkan, parti komponen PH sepakat untuk tidak membuat apa-apa tuntutan terhadap Dr Mahathir berhubung peralihan kuasa.

Pengarah Komunikasi Parti Amanah Negara (AMANAH) yang juga Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad, berkata keputusan yang dicapai pada mesyuarat Majlis Presiden PH itu merangkumi kesepakatan dalam kalangan pemimpin parti komponen untuk menyerahkan kepada perdana menteri bagi menentukan tarikh peralihan kuasa.

“Yang penting kerajaan PH terus memerintah serta mentadbir negara dengan baik dan mendaatkan manfaat kepada rakyat.

“Ini perjuangan kita. Bukan perjuangan untuk mana-mana in-

dividu. Ia untuk mewujudkan sebuah kerajaan yang bersih dan bertanggungjawab terhadap rakyatnya,” katanya.

Beliau berkata, isu ‘nak bergaduh-gaduh’ serta ‘nak jawatan’ ialah rekaan pihak tertentu untuk memberi gambaran bahawa kerajaan PH tidak mantap dan tidak stabil.

“Kita tegas dan bersatu serta akan mentadbir dan menjadi kerajaan sehingga rakyat memutuskan sebaliknya.

“Jadi, mana-mana pihak yang nak cuba timbulkan perbalahan, malam tadi (kelmarin) kita nak beritahu mereka telah gagal,” katanya kepada media selepas merasmikan Larian Budi Wilayahku Half Marathon Putrajaya 2020 di sini, semalam. **BERNAMA**

